

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10251**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini jumlah penagih dadah  
yang dikesan di seluruh negara serta sejauh manakah pendekatan  
Kementerian dalam mendidik dan mencegah generasi muda daripada  
terjebak dengan gejala penagihan dadah.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Sistem Maklumat Dadah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), statistik penagih dadah yang dikesan adalah seramai 26,668 orang bagi tahun 2015, 30,846 orang bagi tahun 2016 dan 13,529 orang sehingga Ogos 2017.**

**AADK melalui program pendidikan pencegahan dadah telah melaksanakan pelbagai program intervensi khususnya terhadap belia/remaja termasuk pelajar sekolah di 178 buah kawasan berisiko tinggi di seluruh negara.**

**Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:**

- i. Kem PINTAR 2.0 iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid tahap dua di sekolah rendah dalam kawasan berisiko tinggi (berumur 10 hingga 12 tahun);**
- ii. Kem SAYANGI HIDUP ELAK DERITA SELAMANYA (SHIELDS) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah menengah di kawasan berisiko tinggi (berumur 13 hingga 17 tahun); dan**

- iii. **Kem SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab)** iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk remaja tidak bersekolah (15 hingga 19 tahun) dan remaja berisiko selepas fasa persekolahan (18 hingga 19 tahun) di dalam komuniti.

Program-program pendidikan pencegahan yang menjurus kepada keluarga dan komuniti juga dijalankan seperti berikut:

- i. ***Family on Alert*** iaitu program kekeluargaan kepada keluarga yang berisiko supaya dapat menangani masalah dadah dengan lebih berkesan. Program ini menyasarkan keluarga yang menetap di kawasan berisiko (kadar jenayah, masalah sosial dan jumlah penagih yang tinggi), berasal daripada keluarga bermasalah, terdapat ahli keluarga yang merupakan penagih dadah dan ibu bapa tunggal.
- ii. **SKUAD 1Malaysia (Sukarelawan Antidadah 1Malaysia)** iaitu suatu entiti sukarelawan anti dadah yang bertindak dan bergerak sebagai satu pasukan untuk membantu Kerajaan dalam menangani masalah dan ancaman dadah. Sasaran keanggotaan program ini ialah Rakan Antidadah (RADA), Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD), Ahli Lembaga Pelawat (ALP), Persatuan Alumni AADK (PENDAMAI) dan Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

- iii. **HADK (Sambutan Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan)** yang merupakan satu program untuk memberi peringatan bahawa dadah masih merupakan ancaman utama kepada negara dan kesihatan. Kumpulan sasar program ini ialah pelajar pra sekolah, pelajar Sekolah Rendah, pelajar Sekolah Menengah, pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Kumpulan Belia dan pemimpin politik.

Di samping itu, AADK juga telah bekerjasama dengan Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Pengusaha Panggung Wayang (MAFE) dan Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) dengan mengadakan tayangan Pesanan Khidmat Awam Antidadah di pawagam. Program ini telah dilancarkan pada 25 Julai 2017 di Pawagam Golden Screen, Pavillion Kuala Lumpur.

AADK juga menggunakan pendekatan media baru seperti *facebook, youtube, blog, twitter, Instagram, microsite* dan laman web pencegahan iaitu [public.adk.gov.my/antidadah](http://public.adk.gov.my/antidadah) dalam memberi mesej anti dadah kepada semua lapisan masyarakat.

Objektif semua program ini adalah seperti berikut:

- i. Memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada murid sekolah dan remaja berisiko di dalam komuniti;

- ii. Meningkatkan kemahiran menolak dadah melalui kemahiran *life skills*;
- iii. Membuat intervensi kepada murid sekolah dan remaja yang berisiko;
- iv. Peserta mendapat pengetahuan kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan, pengurusan kewangan dan pengurusan tekanan;
- v. Meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai bahaya dadah dan kesannya;
- vi. Memupuk sikap dan amalan yang baik serta mengamalkan gaya hidup sihat;
- vii. Memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah; dan
- viii. Menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosi perkhidmatan AADK.